## Modul PBD

1. Ilmu ekonomi ialah bidang sains sosial yang mengkaji cara menguruskan sumber ekonomi yang terhad dalam memenuhi kehendak manusia yang tidak terhad.

2. (a) (i) keinginan manusia
   (b) (i) sumber ekonomi
   (ii) kehendak manusia
   (c) (i) membuat keputusan
   (ii) kehendak
   (iii) pengorbanan

3.

| | Pernyataan | Faktor pengeluaran |
|---|---|---|
| (i) | Sanggup menanggung risiko | Usahawan |
| (ii) | Menyumbangkan tenaga mental dan fizikal | Buruh |
| (iii) | Individu yang kreatif dan inovatif | Usahawan |
| (iv) | Anugerah daripada alam semula jadi | Tanah |
| (v) | Berbentuk wang atau alatan | Modal |
| (vi) | Menggabung dan menyelaras faktor pengeluaran | Usahawan |
| (vii) | Terdiri daripada sumber yang boleh diperbaharui dan sumber tidak boleh diperbaharui | Tanah |
| (viii) | Digunakan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan | Modal |

   (b) (i) faedah
   (ii) kedua terbaik

4. (a) kos lepas

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

5.

| Unit ekonomi | Isi rumah | Firma | Kerajaan |
|---|---|---|---|
| Maksud | Seorang atau sekumpulan individu yang tinggal dalam sebuah rumah | Unit ekonomi yang merancang penggunaan faktor pengeluaran untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan | Unit ekonomi yang mempunyai kuasa untuk membuat dan menguatkuasakan undang-undang untuk menjaga kestabilan ekonomi |
| Kekurangan | Kekurangan pendapatan wang | Kekurangan faktor pengeluaran | Kekurangan hasil negara |
| Matlamat pilihan | Bermatlamatkan kepuasan maksimum | Bermatlamatkan keuntungan maksimum | Bermatlamatkan kebajikan rakyat yang maksimum |
| Kos lepas | Kepuasan yang mungkin daripada barang kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan | Keuntungan yang mungkin daripada keluaran kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan | Kebajikan yang mungkin diperoleh daripada projek pembangunan kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan |

6. (a) Puan Dalila menghadapi kekurangan pendapatan. Hanya memiliki sebanyak RM1 200 sahaja.
   (b) Puan Dalila akan memilih barang yang dapat memberikan kepuasan yang maksimum. Puan Dalila memilih televisyen kerana memberikan kepuasan yang maksimum kerana televisyen lama sudah rosak hampir selama enam bulan, lagipun televisyen boleh digunakan oleh semua orang ahli keluarga.
   (c) Kepuasan daripada barang kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan iaitu komputer riba.

7. (a) Syarikat Zawiyah menghadapi kekurangan faktor pengeluaran / sumber ekonomi.
   (b) Syarikat akan memilih projek yang dapat memberikan keuntungan yang maksimum iaitu memilih projek hotel kerana memberikan keuntungan yang maksimum.
   (c) Keuntungan daripada projek kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan iaitu projek pasar raya.

8. (a) Kerajaan menghadapi kekurangan sumber hasil negara. Hanya memiliki sebanyak RM100 juta sahaja.
   (b) Kerajaan akan memilih projek pembangunan yang dapat memberikan kebajikan masyarakat yang maksimum serta mampu dilaksanakan iaitu memilih projek pembinaan bangunan sekolah kerana memberikan kebajikan masyarakat yang maksimum.
   (c) Kebajikan daripada projek pembangunan kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan iaitu projek pembinaan jambatan.


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**9.** Kos lepas = 80 – 20
= 60 botol sos tiram

**10.** (a) Kos lepas = 5 000 – 2 600
= 2 400 unit kasut sukan

(b) – Syarikat Diwali menghadapi kekurangan faktor pengeluaran / sumber ekonomi.
– Sumber ekonomi / faktor pengeluaran yang dimiliki hanya cukup untuk mengeluarkan kaedah P atau kaedah Q.
– Jika syarikat memilih untuk menggunakan kaedah Q, syarikat perlu melepaskan 2 400 kasut sukan.
– Merupakan keluaran / output kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan.

**11.** Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP) ialah keluk yang menunjukkan had maksimum tingkat pengeluaran yang dapat dicapai oleh sebuah ekonomi dengan menggunakan faktor pengeluaran yang ada dan tingkat teknologi tertentu.

**12.**




**13.**




**14.** (a) Titik *G* (b) Titik *F*

(c) **Keadaan kombinasi pengeluaran di titik *F*:**
– Titik *F* berada dalam kawasan keluk kemungkinan pengeluaran.
– Ini menunjukkan berlaku ketidakcekapan pengeluaran dalam ekonomi.
– Ekonomi gagal menggunakan semua faktor pengeluaran dengan cekap.
– Ada pengangguran dalam faktor pengeluaran.
– Ekonomi belum mencapai guna tenaga penuh.

(d) **Keadaan kombinasi pengeluaran di titik *G*:**
– Titik *G* berada di luar kawasan keluk kemungkinan pengeluaran.
– Ini menunjukkan ketidakupayaan pengeluaran dalam ekonomi.
– Faktor pengeluaran terhad.
– Ekonomi belum mencapai guna tenaga penuh.
– Hanya boleh dicapai jika ada peningkatan teknologi atau peningkatan dalam faktor pengeluaran yang sedia ada.

(e) Kos lepas $= \dfrac{90 - 120}{60 - 40}$
$= -1.5$

(f) Kos lepas $= \dfrac{40 - 90}{80 - 60}$
$= -2.5$

**15.** **Kombinasi T**
– Memilih untuk mengeluarkan blouss sahaja
– Merupakan keperluan bagi isi rumah terutama wanita
– Digunakan sebagai pakaian harian untuk riadah / ke tempat kerja
– Pakaian lebih *casual* untuk wanita berbanding baju kurung / baju kebaya
– Sentiasa mempunyai permintaan dalam pasaran
– Tidak perlu menyimpan stok yang lama / menyediakan ruang menyimpan yang besar
– Dapat membeli bahan mentah dalam kuantiti yang besar
– Dapat menikmati ekonomi bidangan
– Setiap unit barang dapat dijual dengan harga yang rendah / mampu milik semua
– pengguna
– Mampu menarik wanita Melayu, Cina, India dan bumiputera Sabah dan Sawarak

**Kombinasi X**
– Memilih mengeluarkan langsir sahaja
– Sangat menjadi tumpuan pada musim perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri
– Harga tidak mempengaruhi permintaan pengguna kerana cita rasa mengatasi segalanya
– Pasaran mampu dilakukan melalui media sosial seperti Facebook / Instagram / Tik Tok
– Dapat memasarkan ke seluruh negara tanpa membuka premis disetiap negeri / daerah
– Dapat menjimatkan kos pengeluaran seperti penggunaan tenaga kerja di bahagian pemasaran / promosi
– Kadar keuntungan perniagaan menjadi lebih besar kerana harga di pasaran tidak perlu diturunkan selaras dengan matlamat firma memaksimumkan keuntungan dan meminimumkan kos

**Kombinasi V**
– Mengeluarkan 170 unit baju melayu dan 20 unit baju kurung
– Kedua-dua barang merupakan barang keperluan

**16.** Kos:
– Kos yang terlibat dalam projek ini ialah RM55 bilion yang dipinjam dari China.
– Kerajaan juga terpaksa membayar faedah untuk pinjaman tersebut.

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

– Ini akan menyebabkan kerajaan terpaksa menanggguhkan projek pembangunan lain kerana peningkatan perbelanjaan kerajaan untuk membayar faedah serta pokok pinjaman.
– Kos penyelenggaraan dan kos operasi lain yang terlibat dalam projek ini.
– Kos lain seperti kemusnahan hutan dan peningkatan aktiviti ekonomi menyebabkan kesesakan serta pencemaran alam sekitar seperti pencemaran udara.

Faedah:
– Penjimatan masa perjalanan.
– Penjimatan kos pengangkutan.
– Mempelbagaikan aktiviti ekonomi di pantai timur.
– Peningkatan peluang pekerjaan.
– Peningkatan pendapatan masyarakat.
– Peningkatan taraf hidup masyarakat.
– Mempelbagaikan pilihan barangan.
– Menurunkan harga barangan akibat pilihan yang banyak.

**17.** Saya menyokong pelaksanaan kempen ini kerana:
– Beg plastik konvensional mencemarkan alam sekitar.
– Plastik tidak terurai secara semula jadi.
– Ini menggalakkan jangkitan penyakit seperti demam denggi.
– Meningkatkan kos pelupusan.
– Pembakaran plastik mencemarkan udara.
– Pelupusan plastik menjejaskan ekosistem.
– Meningkatkan kos perubatan.
– Menjejaskan produktiviti.
– Meningkatkan kos perniagaan.
– Mewujudkan perubahan sikap manusia kepada kaedah kitar semula.

**18.** (i) Apa yang hendak dikeluarkan
(ii) Berapa yang hendak dikeluarkan
(iii) Bagaimana hendak dikeluarkan
(iv) Untuk siapa dikeluarkan

**19.** **Apa yang hendak dikeluarkan**
– Masalah ini berkaitan menentukan jenis barang yang hendak dikeluarkan. Ia diselesaikan melalui permintaan masyarakat. Dalam situasi ini, syarikat mengeluarkan fail kertas.

**Berapa yang hendak dikeluarkan**
– Masalah ini berkaitan menentukan kuantiti barang yang hendak dikeluarkan. Ia diselesaikan melalui permintaan masyarakat. Dalam situasi ini, syarikat mengeluarkan 300 000 keping fail kertas.

**Bagaimana hendak dikeluarkan**
– Masalah ini berkaitan menentukan kaedah pengeluaran barang. Ia diselesaikan melalui memilih sama ada kaedah berintensifkan modal atau berintensifkan buruh yang paling cekap dan dapat meminimumkan kos. Syarikat ini menggunakan teknologi pengeluaran Taiwan yang dapat menjimatkan kos buruh sehingga 40%.

**Untuk siapa dikeluarkan**
– Masalah ini berkaitan menentukan pengagihan barang kepada kumpulan pengguna yang menjadi sasaran. Dalam situasi ini, syarikat menyasarkan pelajar sekolah dan juga pelajar kolej.

**20.** (a) Merupakan sistem ekonomi perancangan pusat. Ia merupakan satu sistem ekonomi yang kerajaan atau badan perancangan pusat berkuasa penuh dalam membuat segala keputusan ekonomi.
(b) Merupakan sistem ekonomi pasaran bebas. Ia merupakan satu sistem ekonomi yang individu dan pihak swasta bebas membuat segala keputusan ekonomi tanpa campur tangan kerajaan.
(c) Merupakan sistem ekonomi campuran. Satu sistem ekonomi yang menggabungkan pelbagai ciri kebaikan dalam sistem ekonomi pasaran bebas dan sistem ekonomi perancangan pusat.

**21.** (a) Perancangan pusat
(b) Pasaran bebas
(c) Campuran
(d) Campuran
(e) Perancangan pusat
(f) Pasaran bebas
(g) Pasaran bebas
(h) Campuran
(i) Perancangan pusat
(j) Pasaran bebas
(k) Campuran
(l) Pasaran bebas

**22.** (a) Dimiliki secara mutlak oleh kerajaan
(b) Dimiliki oleh individu, swasta dan kerajaan
(c) Pengguna dan pihak pengeluar berhak membuat keputusan ekonomi
(d) Segala keputusan ekonomi dibuat oleh kerajaan melalui badan perancangan pusat
(e) Pengguna dan pengeluar bebas membuat pilihan
(f) Pengguna dan pengeluar bebas membuat pilihan dengan kawalan kerajaan
(g) Korea Utara

**23.** (a) Negara *M*: Sistem ekonomi campuran
Negara *W*: Sistem ekonomi pasaran bebas

(b)

| Masalah asas ekonomi | Negara *M* | Negara *W* |
|---|---|---|
| Apa yang hendak dikeluarkan | Diselesaikan melalui mekanisme pasaran dan kuasa kerajaan. Pihak pengeluar mengeluarkan barang mengikut permintaan masyarakat dan kerajaan menyediakan barang awam. | Diselesaikan melalui kuasa permintaan dan kuasa penawaran (mekanisme pasaran) di pasaran. |
| Bagaimana hendak dikeluarkan | Pengeluar akan memilih kaedah pengeluaran paling cekap yang dapat | Pengeluar akan memilih kaedah pengeluaran paling cekap yang dapat |

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| | | |
|---|---|---|
| | memaksimumkan keuntungan. Kerajaan akan memilih kaedah pengeluaran paling cekap yang dapat memaksimumkan kebajikan masyarakat. | memaksimumkan keuntungan. |

**24.** (a) Negara *X*: Sistem ekonomi perancangan pusat
Negara *Y*: Sistem ekonomi pasaran bebas

(b)

| Aspek | Negara *X* | Negara *Y* |
|---|---|---|
| Penentuan jenis barang yang hendak dikeluarkan | Ditentukan oleh kerajaan dan barang yang membawa faedah sosial yang tinggi diberi keutamaan | Ditentukan oleh pengguna dan pengeluaran barang berdasarkan cita rasa dan keperluan pengguna |
| Penentuan harga | Ditentukan oleh kerajaan | Ditentukan oleh kuasa permintaan dan kuasa penawaran |
| Penentuan kadar upah | Ditentukan oleh kerajaan kerana ketiadaan kesatuan sekerja | Kadar upah yang diterima oleh pekerja bergantung kepada rundingan antara majikan dan kesatuan sekerja |

**25.** (a) Sebagai sebahagian daripada keseluruhan sistem hidup Islam di mana keputusan ekonomi berlandaskan al-Quran dan Hadis.
(b) Wujud persaingan yang adil dan saksama antara individu dalam membuat keputusan ekonomi demi kebajikan dan kesejahteraan di dunia dan akhirat.
(c) Keseimbangan antara kepentingan individu dan masyarakat di mana prinsip kesederhanaan amat diutamakan.

**26.** (a)
– Penguatkuasaan undang-undang dan insentif
– Pengenaan cukai
– Program menjaga kebajikan masyarakat
– Memastikan persaingan sihat dalam kalangan pengeluar
– Mengawal bekalan barang keperluan
– Menyediakan barang awam

(b) Setuju
– Agihan pendapatan yang seimbang
– Semua barang / perkhidmatan diagihkan secara sama rata kepada semua masyarakat
– Jurang pendapatan antara masyarakat menjadi kecil
– Kerajaan mengeluarkan barang awam / barang yang diperlukan oleh masyarakat
– Motif kerajaan memaksimumkan kebajikan masyarakat
– Peruntukan sumber ke arah kebajikan rakyat
– Semua faktor pengeluaran diagihkan melalui badan perancangan pusat / mengambil kira kos sosial yang mungkin berlaku
– Pengeluaran secara berskala besar
– Kerajaan dapat melakukan aktiviti pengeluaran secaran besar-besaran kerana kerajaan adalah pemilik faktor / pengeluar tunggal dalam pasaran,
– Dapat menikmati ekonomi bidangan / kos pengeluaran lebih rendah
– Harga barangan dalam pasaran turut rendah

ATAU
– Tidak setuju
– Pilihan individu terhad
– Semua pilihan / keputusan dibuat oleh kerajaan / masyarakat tidak mempunyai kebebasan
– Masyarakat kurang bermotivasi / insentif bekerja kuat
– Individu tidak dibenarkan mengumpulkan kekayaan secara bebas
– Mendorong individu untuk tidak terus bekerja dan berusaha keras
– Sifat keusahawanan individu terhad
– Keusahawanan / inovasi tidak berkembang pesat kerana tiada persaingan
– Keadaan ekonomi dalam sistem menjadi tidak berkembang maju
– Risiko kesilapan dalam membuat keputusan
– Keputusan ekonomi ditentukan oleh sekumpulan kecil pemerintah di peringkat pusat
– Risiko membuat keputusan yang tidak tepat / boleh menjejaskan kebajikan rakyat

Nota: Jawapan calon tidak boleh bercampur antara huraian setuju dan tidak setuju

## Praktis SPM

### Kertas 1

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **1.** C | **2.** D | **3.** C | **4.** D | **5.** D |
| **6.** D | **7.** C | **8.** B | **9.** C | **10.** B |
| **11.** C | **12.** A | **13.** C | **14.** D | **15.** D |
| **16.** A | **17.** B | **18.** C | **19.** D | **20.** C |
| **21.** C | **22.** B | **23.** A | | |

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

## Kertas 2

**Bahagian A**

| No soalan | | Huraian | Permarkahan |
|---|---|---|---|
| **1.** | (a) | – tanah<br>– wujud secara semula jadi<br>– penawarannya terhad<br>– ganjaran adalah sewa<br>– tidak mempunyai mobiliti tempat<br>– contoh: lautan, hutan, air | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[Maks 4m] |
| | (b) | – menyediakan barang keperluan<br>– isi rumah / pengguna meneruskan kehidupan<br>– meningkatkan imej negara<br>– meningkatkan taraf hidup masyarakat<br>– tanggungjawab sosial kerajaan / peranan kerajaan sebagai pengeluar<br>– kerajaan memastikan lebih ramai rakyat / pengguna mampu memilik rumah sendiri<br>– mengurangkan rumah setinggan | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[Maks 6m] |
| | (c) | – Kekurangan<br>– isi rumah /Raju menghadapi masalah kekurangan pendapatan<br>– Pilihan<br>– isi rumah / Raju pilih almari / peti ais<br>– membeli almari RM1 550 / membeli peti ais RM1 800<br>– kepuasan yang maksimum<br>– Kos lepas<br>– jika membeli almari kos lepas ialah peti ais/ jika membeli peti ais kos lepas ialah almari<br>– barang kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[Maks 6m] |
| | (d) | – matlamat utama adalah mencapai al-falah/ mencapai kesejahteraan kehidupan<br>– segala aktiviti berlandaskan syariat Islam<br>– keputusan ekonomi mengikut mengikut hukum Islam, iaitu Al-Quran dan Hadis<br>– barang yang tidak halal tidak dapat dikeluarkan<br>– wujud persaingan secara adil<br>– keseimbangan antara kepentingan individu dan masyarakat<br>– individu yang cukup syarat dikehendaki membayar zakat/ merapatkan jurang pendapatan antara orang kaya dengan orang miskin | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[Maks 4m] |
| **2.** | (a) | – Firma menghadapi masalah kekurangan sumber ekonomi/ faktor-faktor pengeluaran / modal/ buruh<br>– Firma membuat pilihan<br>– Kasut / baju<br>– Supaya memaksimumkan keuntungan<br>– Kos lepas adalah output kedua yang terbaik terpaksa dilepaskan<br>– Jika firma mengeluarkan kasut kos lepas ialah baju / jika firma mengeluarkan baju kos lepas ialah kasut | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[6m] |
| | (b) | – Berapa hendak dikeluarkan?<br>– bergantung kepada mekanisme harga/permintaan masyarakat<br>– Untuk siapa dikeluarkan?<br>– golongan yang mempunyai kuasa beli/bergantung kepada agihan pendapatan | 1<br>1<br>1<br>1<br>[4m] |

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

| No soalan | | Huraian | Permarkahan |
|---|---|---|---|
| | (c) |  | [4m] |
| | (d) | – Pemilikan sumber<br>– Individu/Firma bebas memiliki sumber<br>– Pembuat keputusan<br>– Keputusan ekonomi dibuat oleh pengguna/pengeluar/swasta<br>– Pilihan<br>– Pengguna/pengeluar bebas membuat pilihan<br>– Penentuan harga<br>– Ditentukan oleh mekanisme harga/ditentukan oleh permintaan dan penawaran<br>– Motif pengeluaran<br>– Memaksimumkan keuntungan semata-mata | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[Maks 6m] |

**Bahagian B**

| No soalan | Huraian | Permarkahan |
|---|---|---|
| **3.** (a) | – kerajaan menghadapi masalah kekurangan pendapatan negara / hasil/ cukai<br>– kerajaan membuat pilihan<br>– kerajaan memilih bekalan air luar bandar / selain daripada di atas<br>– memaksimumkan kebajikan masyarakat<br>– kos lepas ialah projek yang lain | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[Maks 5m] |
| (b) | – monopoli semula jadi oleh kerajaan<br>– memaksimumkan kebajikan masyarakat<br>– peningkatan imej negara<br>– tanggungjawab sosial kepada masyarakat<br>– memajukan / meningkatkan taraf negara / luar bandar<br>– meningkatkan taraf kesihatan masyarakat luar bandar<br>– meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar<br>– kerajaan sebagai pengeluar<br>– kerajaan juga berperanan sebagai majikan<br>– pelaksanaan projek tersebut membolehkan penduduk /masyarakat luar bandar mendapat peluang pekerjaan<br>– kadar pengangguran berkurang di kalangan penduduk luar bandar<br>– kerajaan akan mengawal selia syarikat swasta tersebut jika kerajaan menyerahkan projek tersebut kepada pihak swasta<br>– mengawal tapak pembinaan daripada pencemaran/ kerosakan tanah/ perubahan landskap/ alam semula jadi<br>– meningkatkan darjah ketersampaian dari satu tempat ke tempat yang lain<br>– mobiliti buruh / penduduk tinggi<br>– mendapat bekalan air bersih | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[Maks 9m] |

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

| No soalan | Huraian | Permarkahan |
|---|---|---|
| (c) | – mendapat peluang pekerjaan | 1 |
| | – kuasa beli meningkat | 1 |
| | – permintaan terhadap sesuatu barang meningkat | 1 |
| | – dapat memenuhi barang kehendak dan barang keperluan | 1 |
| | – memaksimumkan kepuasan atas menggunakan sesuatu barang dan perkhidmatan | 1 |
| | – mendapat ganjaran seperti upah, sewa, faedah dan untung melalui aktiviti penyewaan rumah, membuka gerai dan sebagainya | 1 |
| | – pendapatan negara meningkat | 1 |
| | – keuntungan syarikat / firma meningkat | 1 |
| | – hasil / pengeluaran firma meningkat | 1 |
| | – memperluaskan pasaran barang dan perkhidmatan merata-rata tempat | 1 |
| | – meningkatkan eksport sama ada luar negara mahu pun dalam negara | 1 |
| | – membeli bahan mentah pada harga yang murah | 1 |
| | – mobiliti buruh adalah tinggi dan mudah mendapatkan tenaga buruh | 1 |
| | – imej negara meningkat | 1 |
| | – memperbaiki imbangan pembayaran | 1 |
| | – meningkat eksport negara / penghantaran barang dari satu tempat ke tempat yang lain | 1 |
| | – produktivit negara meningkat | 1 |
| | – kadar pengangguran berkurang | 1 |
| | | [Maks 6m] |

## FOKUS KBAT

**1.** (a) Kesan terhadap aktiviti ekonomi negara:
- Aktiviti pertanian terjejas
- Pengeluaran barang pertanian merosot
- Pendapatan golongan petani merosot
- Kenaikan harga barang pertanian
- Peningkatan kos pengeluaran barang pertanian
- Taraf hidup masyarakat terjejas

(b) Cuaca panas merupakan satu peluang perniagaan. Perniagaan yang boleh ditubuhkan adalah:
- Penjualan air minuman
- Menyediakan perkhidmatan penjualan alat penghawa dingin
- Menyediakan perkhidmatan menyelenggara alat penghawa dingin
- Membuka taman bertemakan air

**2.** (a) Saya bersetuju kerana:
- Bebas membuat keputusan
- Pendapatan lebih tinggi
- Mampu menggunakan idea perniagaan
- Memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat
- Mewujudkan peluang pekerjaan
- Meningkatkan taraf hidup

(b)
- Lokasi yang strategik
- Penduduk ramai
- Kuasa beli tinggi
- Pusat pelancongan
- Keuntungan meningkat
- Hasil jualan yang tinggi
- Kurang persaingan

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd


© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.